

Tapak petrokimia diserbu, 225 warga asing ditahan

PASIR GUDANG - Sebuah tempat pemprosesan dan pembinaan struktur bahan petrokimia terbesar di Johor digempur Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor dalam serbuan Ops Mahir yang dijalankan di Tanjung Langsat pada Selasa lalu.

Pengarah Imigresen Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, operasi dilakukan hasil risikan selepas menerima maklumat awam mengenai kehadiran ramai warga asing yang bekerja tanpa permit atau pas sah.

Menurutnya, serbuan dilakukan sepasukan pegawai daripada Bahagian Penguatkuasa Negeri Johor dan Bangunan Sultan Iskandar.

"Seramai 664 individu melibatkan warga tempatan dan asing diperiksa dan daripada jumlah itu, 225 individu berusia antara 21 hingga 63 tahun ditahan.



Pegawai Imigresen Johor memeriksa pekerja sebuah tempat pemprosesan dan pembinaan struktur bahan petrokimia di Tanjung Langsa yang diserbu pada Selasa.

“

Mereka yang ditahan terdiri daripada 129 lelaki dan empat wanita warganegara China, 84 lelaki warganegara Bangladesh, dua lelaki warganegara Indonesia, dua lelaki warganegara Pakistan serta dua lelaki warganegara Nepal.”

- Mohd Rusdi

"Mereka terdiri daripada 129 lelaki dan empat wanita warganegara China, 84 lelaki warganegara Bangladesh, dua lelaki warganegara Indonesia, dua lelaki warganegara Pakistan serta dua lelaki warganegara Nepal," katanya pada Khamis.

Beliau berkata, seorang lelaki dan wanita warga tempatan yang merupakan pengurus dan pegawai sumber manusia di tapak projek itu turut ditahan.

"Dua warga tempatan disiasat di ba-

wah Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 kerana melindungi warga asing," jelasnya.

Mohd Rusdi memberitahu, enam notis juga dikeluarkan kepada individu tertentu sepanjang operasi untuk hadir ke Pejabat Bahagian Penguat Kuasa bagi membantu siasatan.

Katanya, semua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Pekan Nenas bagi tujuan siasatan dan tindakan lanjut.